

Headline	TNB siap kerja baik pulih Jumaat ini		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	23 Jun 2021	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	22
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	197 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 19,569		



## Kes kabel elektrik Jambatan Pulau Pinang terbakar

# TNB siap kerja baik pulih Jumaat ini

**Kuala Lumpur:** Kerja membaiki kabel voltan tinggi milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terbakar di Kilometer 3.2 Jambatan Pulau Pinang pada Februari lalu, dijangka siap Jumaat ini, hampir dua minggu lebih awal dari pada dijadualkan.

Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir Husaini Husin, berkata komitmen teguh dan kerjasama TNB, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS Malaysia Bhd (PLUS) membolehkan kerja baik pulih disempurnakan lebih cepat daripada dijadualkan walaupun berdepan keadaan laut bergeleira.

“Kerja baik pulih bermula pada 4 Mac lalu membabitkan penggantian tiga kabel voltan tinggi dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Bukit Tengah ke Bayan Mutiara sepanjang kira-kira satu kilometer.

“Sepanjang pembaikan, kelancaran trafik di Jambatan Pulau Pinang tidak terganggu memandangkan TNB hanya menggunakan jalan laut. Ia juga tidak menjelaskan daya harap dan kestabilan bekalan elektrik ke Pulau Pinang,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Kebakaran kabel elektrik di bawah Jambatan Pulau Pinang itu membabitkan kabel 132kV dari PMU Bukit Tengah ke Bayan Mutiara hingga mengakibatkan kesesakan luar biasa dari arah Pulau ke Seberang Perai.

Husaini berkata, TNB menggunakan bot dan baj bagi mengangkat peralatan serta alat ganti, selain kerja merentang kabel menggunakan baj.

Kerja berkenaan, katanya, diteruskan sepanjang sekatan pergerakan penuh selepas mendapat kelulu-

san Kementerian Tenaga dan Sumber Asli disamping mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketat bagi mengekang penularan wabak di tapak kerja.

“Keutamaan TNB ialah memulihkan kerosakan supaya pengguna di Pulau Pinang dapat berterusan menerima bekalan elektrik yang stabil dan berdaya harap, selaras nilai teras TNB, iaitu ‘Mengutamakan Pelanggan’,” katanya.

Beliau berkata, TNB berterima kasih dengan kerjasama diberikan termasuk kerajaan Pulau Pinang, Suruhanjaya Tenaga Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS, bomba dan polis serta Penang Port Sdn Bhd.

Laporan siasatan kejadian sedang disediakan dan akan dimuktamadkan bersama PLUS bulan depan.